

## KAJIAN MINAT PELAJAR DI KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT TERHADAP BIDANG KEUSAHAWANAN

**Mohd Zainudin Jenal**

Kolej Komuniti Kuala Langat, Kementerian Pendidikan Malaysia

Tel : +6012-3267973 Email: zackbinzacky@gmail.com

**Siti Syuhaila Zahari**

Kolej Komuniti Kuala Langat, Kementerian Pendidikan Malaysia

Tel : +6012-3267972 Email: syuhaila@kkkla.edu.my

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji minat keusahawanan dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti Kuala Langat. Pendidikan keusahawanan perlu diterokai oleh generasi muda bagi mewujudkan modal manusia yang dapat membangunkan ekonomi negara. Usaha merealisasikan pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar perlu dibangunkan dari peringkat awal usia dan kesedaran menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan perlu diwujudkan. Rekabentuk kajian ini berbentuk deskriptif dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Kaedah kajian berbentuk soal selidik telah dipilih sebagai instrument. Penggunaan skala likert pula menentukan kesahan kajian yang yang dijalankan. Data soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) versi 20. Responden kajian terdiri daripada 50 orang pelajar Kolej Komuniti Kuala Langat yang dipilih secara rawak. Dapatkan kajian menunjukkan faktor minat merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelajar untuk cenderung ke dalam bidang keusahawanan. Keputusan kajian juga disokong oleh faktor kefahaman keusahawanan pelajar dan kesesuaian keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti Kuala Langat.

**Kata kunci:** *Minat, keusahawanan, kefahaman*

### PENGENALAN

MPU1222 Modul Keusahawanan merupakan salah satu modul wajib yang perlu diikuti pelajar Sijil Kolej Komuniti.Kuala Langat. Modul MPU 1222 Keusahawanan diambil pada semester yang berbeza mengikut program yang diikuti untuk melengkapkan pengkuliahannya bagi mendapatkan Sijil Kolej Komuniti. Modul ini merupakan subjek yang berbentuk teori dan amali. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), keusahawanan menjelaskan keusahawanan merupakan segala-gala yang berkaitan dengan usahawan atau kegiatan dan kemahiran usahawan:

Minat pula ialah kecenderungan atau keinginan kepada sesuatu. (Kamus Pelajar Edisi Kedua) Minat pelajar adalah penting untuk merangsangkan pembelajaran yang berkesan dalam Oleh yang demikian, minat dan sikap yang baik terhadap apa jua pekerjaan amatlah penting untuk mencapai kejayaan dan pencapaian yang cemerlang. Ini adalah kerana minat dan sikap mempunyai hubungan yang penting dalam pemahaman pelajar. Jika minat dan sikap tidak dapat diterapkan dalam diri maka kita akan mengalami kerugian dan pencapaian yang tidak cemerlang (Zulzana, Mohamed dan Roslina, 2012).

Bagi memenuhi kehendak dan cabaran pendidikan serta selaras dengan pendidikan TVET (*Technical and Vocational Education and Training*) masa kini, penggunaan pelajar dalam bidang yang diceburi haruslah mantap. Faktor sikap juga turut mempengaruhi pencapaian pelajar yang mana Zimbardo dan Ebbesen (1970) menyatakan, bahawa sikap pelajar mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan tingkah laku, daya usaha dan pencapaian akademik mereka. Manahan (1984) cuba melihat pertalian di antara faktor sikap, keupayaan dan usaha pelajar, kualiti guru dan taraf sosio ekonomi dengan pencapaian pelajar. Dapatkan kajian beliau menunjukkan sikap pelajar terhadap mata pelajaran mempunyai pertalian yang positif dan signifikan dengan pencapaian pelajar.

## LATAR BELAKANG MASALAH

Kolej Komuniti Kuala Langat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melahirkan graduan selaras dengan keperluan dan kehendak negara serta setanding dengan graduan-graduan daripada institusi pengajian tinggi yang lain. Belum ada kajian yang dijalankan tentang minat pelajar bagi pelajar yang mengambil Modul Keusahawanan, di Kolej komuniti Kuala Langat. Maka pengkaji mengambil inisiatif untuk membuat kajian tentang minat terhadap pembelajaran dalam modul ini.

### ***Objektif Kajian***

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Menilai tahap minat pelajar dalam MPU1222 Modul Keusahawanan
- b) Mengenalpasti minat pelajar terhadap MPU1222 Modul Keusahawanan
- c) Mengetahui pencapaian pelajar menerusi minat bagi MPU1222 Modul Keusahawanan

### ***Persoalan kajian***

- i. Adakah modul keusahawanan sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti Kuala Langat?
- ii. Adakah pelajar faham tentang keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti Kuala Langat?
- iii. Adakah pelajar berminat terhadap keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti Kuala Langat?

Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti sejauh mana tahap minat terhadap MPU 1222 Modul Keusahawanan. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi panduan kepada pendidik-pendidik kolej komuniti supaya mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat pelajar MPU 1222 Modul Keusahawanan. Antara kaedah yang boleh dilakukan ialah dengan mendedahkan pelajar kepada dunia sebenar dengan membuat latihan keusahawan dalam dan luar kampus.

Di samping itu, kajian ini membolehkan juga pengkaji untuk menguji sejauh mana minat dapat mempengaruhi pencapaian pelajar dalam modul keusahawanan yang dirasakan perlu. Sekiranya kajian dan kaedah ini dilaksanakan dan ia bersesuaian dengan permasalahan untuk modul lain, maka kajian ini akan memberikan kemudahan kepada pengkaji masa akan datang bagi mengukur sejauh mana minat merupakan faktor penyumbang keatas pencapaian modul atau subjek. Ia secara tidak langsung dapat mewujudkan penyelesaian bagi mengatasi masalah tersebut. Manakala, sekiranya hasil kajian tidak menunjukkan hubungan positif ke atas faktor-faktor yang diandaikan dengan pencapaian pelajar, maka pengkaji boleh menjalankan kajian yang menekankan faktor lain bagi mengenalpasti punca sebenar yang mempunyai hubungkait secara langsung dengan pencapaian pelajar.

### ***Kepentingan Kajian***

Terdapat beberapa kepentingan terhadap kajian yang dijalankan iaitu terhadap pelajar Kolej Komuniti Kuala Langat, pensyarah dan institusi pendidikan iaitu Kolej Komuniti Kuala Langat sendiri.

### ***Pelajar KKKL***

Keusahawanan pelajar merupakan satu bentuk proses pembelajaran keusahawanan. Ia adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 dan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT (2016-2020) yang menggariskan lonjakan 1 yang berhasrat untuk melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Pembelajaran dan pemahaman keusahawanan membolehkan pelajar membentuk sikap dalam memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian dalam didang perniagaan yang diceburi. Pelajar serba sedikit akan memperolehi pengetahuan dan berkeyakinan dalam menghadapi dunia usahawan pekerjaan selepas tamat belajar. Menurut Byers (2003), terdapat banyak cara yang boleh dilakukan oleh pihak universiti dalam membantu pelajar menceburi bidang keusahawanan ini. Menurutnya lagi, seorang pelajar memerlukan kemahiran keusahawanan untuk berjaya dalam apa jua bidang yang diceburinya. Ini boleh dirujuk pada ciri-ciri usahawan itu sendiri, di mana seorang usahawan perlulah kreatif, mempunyai daya imaginasi yang tinggi, inisiatif dan mampu membuat perubahan dan menggunakan peluang yang ada dengan baik (Dabson, 2005). Menurut Byers (2003), institut pengajian tinggi boleh melakukan pelbagai cara untuk membantu pelajar-pelajar melibatkan diri secara langsung atau tidak dalam bidang keusahawanan ini seperti

menubuhkan kelab usahawan untuk pelajar, penerapan ilmu keusahawanan dalam kurikulum institut pengajian tinggi, menganjurkan seminar keusahawanan dan banyak lagi.

Matlamat untuk bekerja dengan kerajaan atau organisasi swasta dengan makan gaji di kalangan mahasiswa seharusnya diubah. Menurut maklumat Sistem Laporan Kajian Pengesahan Graduan, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, bilangan graduan yang dilahirkan oleh IPTA dan IPTS di Malaysia meningkat setiap tahun dan sehingga tahun 2015 bilangan graduan yang dilahirkan berjumlah 268,988 orang yang terdiri dari pelbagai peringkat pengajian. Dengan penawaran peluang pekerjaan yang terhad dewasa ini, maka ramai di kalangan mereka yang terpaksa menganggur. Bekerja sendiri atau menjadi usahawan merupakan antara jalan penyelesaian kepada isu pengangguran siswazah ini. Oleh demikian, kemahiran keusahawanan harus didedahkan kepada mahasiswa ketika masih berada di universiti untuk memupuk minat dan memberi kemahiran yang diperlukan.

Justeru itu, tumpuan haruslah diberikan kepada pendidikan dan pendedahan terhadap bidang keusahawanan, budaya keusahawanan, program-program latihan dan pembangunan usahawan bagi meningkatkan penyertaan lebih ramai lagi usahawan serta mampu melahirkan usahawan yang berkebolehan serta berdaya saing.

Sejajar dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2011-2015 fasa 2 yang meletakkan fokus kepada usaha mengarus perdanakan pendidikan keusahawanan. Usaha ini adalah untuk meningkatkan daya keusahawanan di kalangan semua pelajar yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pelan ini juga telah memberi pendedahan dan penerapan nilai-nilai dan kemahiran keusahawanan kepada pelajar Universiti, Politeknik dan Kolej Komuniti yang merangkumi aspek kepimpinan. Seterusnya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) telah dirangka dengan tujuan utamanya untuk memupuk minda keusahawanan dalam seluruh sistem pendidikan tinggi, dan mewujudkan sistem pendidikan yang melahirkan graduan berciri keusahawanan, bukannya mencari kerja. Lantaran itu pelan ini telah memfokuskan 10 lonjakan bakat terpelajar dipacu nilai, yang mensasarkan lonjakan pertamanya sebagai graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Ini selaras dengan laporan yang inovasi, kreativiti, berdaya saing, berdikari, mengambil risiko terkira dan kebolehan untuk mengenal pasti dan membuka peluang.

## KAJIAN LITERATUR

### *Kajian Tentang Minat*

Minat terhadap pendidikan merupakan aspek penting dalam menentukan sebuah kejayaan. Minat mempunyai kaitan dengan sikap, yang bermaksud seseorang akan bersikap positif terhadap sesuatu perkara sekiranya meminati perkara tersebut. Perkaitan minat dan sikap ini akan menghasilkan sesuatu yang bermakna dan berkesan (Zulzana et.al, 2012). Faktor minat pelajar merupakan salah satu faktor yang penting dalam kajian yang pernah dibuat seperti kursus atau mata pelajaran CC301–Quantity Measurement (Zulzana Zulkarnain et al., 2011), mata pelajaran

sains di sekolah (Ismail & Khairuzaman, 2010) mata pelajaran Analisis Nyata di UTM (Mohd Nihra & Nurul Azilah, 2000) dan mata pelajaran Sistem Elektronik 1 di beberapa Politeknik Malaysia iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Politeknik Ungku Omar (PUO) dan Politeknik Dungun Terengganu (PDT) (Ahmad Rizal bin Madar, Nurul Akmar binti Kamarudin, Saifullizam bin Puteh, 2005).

### **Kajian Tentang Sikap**

Sikap mempunyai perkaitan rapat dengan pencapaian seseorang di dalam pembelajarannya. Sikap merupakan suatu yang abstrak dan hanya akan dapat dilihat atau dirasa melalui tindakan yang diambil. Sekiranya pelajar mempunyai sikap yang positif seperti kesedaran tentang pentingnya bahasa yang dipelajarinya, maka pelajar berkenaan akan cuba menguasai bahasa tersebut dengan pelbagai cara. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa para pelajar mempunyai sikap yang positif, bersedia untuk belajar dan bermotivasi tinggi akan berjaya menguasai sasaran dan begitulah sebaliknya (Zaliza dan Zaitul Azma, 2013).

Ahmad, Nurul Akmar dan Saifullizam, 2005 pula menyatakan sikap dan minat mempunyai perkaitan yakni para pelajar kurang minat terhadap mata pelajaran apabila sikap mereka yang menganggap sesuatu mata pelajaran adalah susah. Bahkan, sikap juga akan memberi impak pada tahap pencapaian pelajar samaada di sekolah ataupun di pusat pengajian tinggi (Jerie & Zamri, 2011).

## **METHODOLOGI KAJIAN**

Gambaran tentang kekuatan sesuatu dapatan boleh dikemukakan dalam sebuah kajian dalam metodologi kajian. Metodologi penyelidikan meliputi reka bentuk kajian yang digunakan, populasi dan pensampelan, instrumen kajian dan jenis analisis data.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kaedah ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan dalam mengkaji tentang hubungan minat dan sikap terhadap pencapaian pelajar dalam MPU 1222 Modul Keusahawanan. Untuk memudahkan penganalisan data, skala Likert disusun seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.1

Jadual 3.1. Skala Likert

| <b>Sangat Tidak Setuju<br/>(STS)</b> | <b>Tidak Setuju<br/>(TS)</b> | <b>Kurang Setuju<br/>(KS)</b> | <b>Setuju<br/>(S)</b> | <b>Sangat Setuju<br/>(SS)</b> |
|--------------------------------------|------------------------------|-------------------------------|-----------------------|-------------------------------|
| 1                                    | 2                            | 3                             | 4                     | 5                             |
| TIDAK SETUJU                         |                              | SETUJU                        |                       |                               |

### ***Populasi dan Persampelan***

Populasi kajian ini adalah bagi pelajar yang mengambil MPU 1222 Modul Keusahawanan di Kolej komuniti Kuala Langat pada Sesi Mac 2018. Rasional pemilihan sampel kajian adalah kerana pelajar-pelajar ini mengambil modul keusahawanan pada semester Mac 2018. Adalah ramai iaitu seramai 120 orang. Sebanyak 50 orang dipilih sebagai sampel untuk kajian ini. mengikut jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970).

### ***Instrumen Kajian***

Borang soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai pembolehubah yang dikaji. Terdapat dua (2) bahagian borang soal selidik semasa instrument kajian ini djalankan. Ia terdiri daripada bahagian A berkaitan demografi iaitu bangsa, jantina, kelas dan gred keputusan pelajar pada Sesi Mac 2018 manakala bahagian B pula terdiri daripada sembilan (9) soalan yang berkaitan dengan minat dan sepuluh (10) soalan yang berkaitan sikap. Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan IBM SPSS 20.0.

## **PERBINCANGAN**

Dapatan kajian dan analisa data yang diperolehi disusun mengikut soalan yang terkandung di dalam borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden. Hasil kajian ini tertumpu kepada pelajar yang mengambil MPU 1222 Modul Keusahawanan,di Kolej Komuniti Kuala Langat.

3.1 Bahagian A menjawab soalan bagi jantina, bangsa, umur, dan taraf pendidikan responden. Daripada 50 orang responden, 47 orang responden (94%) adalah berbangsa melayu dan 3 orang pula berbangsa india. Seramai 25 orang responden adalah lelaki dan 25 orang adalah perempuan.

Bagi kategori umur pula lingkungan seramai 12 orang adalah dalam lingkungan umur 21 – 30 tahun. Responden bagi kajian ini adalah 100% taraf pendidikannya adalah SPM. . Nilai peratusan mewakili responden lelaki dan perempuan ialah 50%.

Jadual 3.1(a): Bangsa

|               | <b>Frekuensi</b> | <b>Peratusan</b> |
|---------------|------------------|------------------|
| Melayu        | 47               | 94%              |
| Cina          | 0                | 0                |
| India         | 3                | 6                |
| Lain-lain     | 0                | 0                |
| <b>Jumlah</b> | <b>50</b>        |                  |

Jadual 3.1(b): Jantina

|               | <b>Frekuensi</b> | <b>Peratusan</b> |
|---------------|------------------|------------------|
| Lelaki        | 25               | 50               |
| Perempuan     | 25               | 50               |
| <b>Jumlah</b> | 12               |                  |

Jadual 3.1(c): Umur

|                     | <b>Frekuensi</b> | <b>Peratusan</b> |
|---------------------|------------------|------------------|
| Bawah 12 tahun      | 0                | 0                |
| 13-20 tahun         | 50               | 100%             |
| 21-30 tahun         | 0                | 0                |
| 31-40 tahun         | 0                | 0                |
| 41 tahun dan keatas | 0                | 0                |
| <b>Jumlah</b>       | 12               |                  |

Jadual 3.1(c): Umur, menunjukkan bilangan responden terdiri yang berumur antara 21-30 tahun sahaja. Seramai 50 orang telah dicerap bagi modul keusahawanan. Dengan peratusan umur 13-20 tahun menunjukkan 100%.

Jadual 3.1(d): Taraf pendidikan

|                         | <b>Frekuensi</b> | <b>Peratusan</b> |
|-------------------------|------------------|------------------|
| UPSR                    | 0                | 0                |
| PMR                     | 0                | 0                |
| SPM                     | 50               | 100%             |
| STPM                    | 0                | 0                |
| SIJIL KEMAHIRAN/IKTISAS | 0                | 0                |
| <b>Jumlah</b>           | 50               |                  |

Jadual 3.1(d): Taraf pendidikan, pula menunjukkan bilangan responden hanya mengambil SPM seramai 50 orang yang belajar di kolej komuniti kuala langat menerusi program MPU 1222 Modul Keusahawanan.

3.2 Bahagian B ini menjawab persoalan kajian mengenai sikap pelajar bagi mencapai objektif kajian. Bahagian ini mempunyai 9 soalan yang berkaitan dengan minat. Soalan 1 hingga 9 menjawab objektif kajian mengenai minat pelajar terhadap MPU 1222 Modul Keusahawanan manakala soalan 10-19 akan menjawab mengenai sikap pelajar mengenai MPU 1222 Modul Keusahawanan yang dipelajari di Kolej Komuniti Kuala Langat.

Jadual 3.2: Skala Likert Persetujuan Responden

| Persetujuan Responden   |  |         |        |        |       |         |      |
|---|--|---------|--------|--------|-------|---------|------|
| Bil   | Item   | STS (%) | TS (%) | KS (%) | S (%) | S S (%) | Min  |
| <b>Tahap minat pelajar terhadap MPU 1222 Modul Keusahawanan</b> |  |         |        |        |       |         |      |
| 1   | Saya meminati modul MPU 1222 Modul Keusahawanan  | -       | -      | -      | 24    | 76.0    | 4.24 |
| 2   | Saya amat gembira berpeluang mempelajari MPU 1222 Modul Keusahawanan   | -       | -      | -      | 30    | 70      | 4.18 |
| 3   | Saya suka MPU 1222 Modul Keusahawanan yang saya diikuti sekarang   | -       | -      | -      | 18    | 82      | 4.32 |
| 4   | Saya mengisi masa lapang dengan membaca majalah,buku dan bahan-bahan yang berkaitan dengan MPU 1222 Modul Keusahawanan | -       | -      | -      | 82    | 18      | 4.20 |
| 6   | Saya sentiasa menunggu kelas MPU 1222 Modul Keusahawanan   | -       | -      | 18     | 32    | 50.0    | 4.22 |

|   |  |   |   |    |      |      |      |
|---|--|---|---|----|------|------|------|
| 7 | Saya sering menonton rancangan tv yang berunsurkan MPU 1222 Modul Keusahawanan | - | - | 14 | 52   | 34   | 4.56 |
| 8 | Saya membaca majalah yang mengandungi pengetahuan berkenaan keusahawanan       | - | - | -  | 78.0 | 22.0 | 4.24 |

**Persetujuan Responden**

| Bil | Item  | STS | TS  | KS  | S   | SS  | Min  |
|-----|---|-----|-----|-----|-----|-----|------|
|     |   | (%) | (%) | (%) | (%) | (%) |      |
| 9   | Saya memberikan idea-idea yang kreatif ketika perbincangan di dalam kelas MPU 1222 Modul Keusahawanan | -   | -   | 6   | 32  | 62  | 4.20 |

**Tahap sikap pelajar terhadap MPU 1222 Modul Keusahawanan.**

|    |   |   |   |    |      |      |      |
|----|---|---|---|----|------|------|------|
| 10 | MPU 1222 Modul Keusahawanan menarik minat saya.   | - | - | -  | 76   | 24   | 4.34 |
| 11 | Saya berazam untuk skor A dalam MPU 1222 Modul Keusahawanan                               | - | - | 14 | 52   | 34   | 4.20 |
| 12 | Saya mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pembelajaran MPU 1222 Modul Keusahawanan | - | - | -  | 66   | 34   | 4.58 |
| 13 | Saya ingin mempelajari MPU 1222 Modul Keusahawanan dengan lebih mendalam                  | - | - | 14 | 52   | 34   | 4.48 |
| 14 | Saya sentiasa melengkapkan nota MPU 1222 Modul Keusahawanan                               | - | - | -  | 52.0 | 48.0 | 4.34 |
| 15 | MPU 1222 Modul Keusahawanan adalah sama penting dengan kursus atau                        | - | - | -  | 58.3 | 41.7 | 4.42 |

|    |   |   |   |   |    |    |      |
|----|---|---|---|---|----|----|------|
|    | modul yang lain   |   |   |   |    |    |      |
| 16 | Saya akan berasa kesal, jika saya tidak menghadiri kuliah MPU 1222 Modul Keusahawanan | - | - | - | 66 | 34 | 4.48 |

#### Persetujuan Responden

| Bil | Item   | STS | TS  | KS  | S   | S S | Min  |
|-----|--|-----|-----|-----|-----|-----|------|
|     |  | (%) | (%) | (%) | (%) | (%) |      |
| 17  | Saya sanggup melakukan bacaan tambahan untuk memudahkan pemahaman saya bagi topik tertentu dalam MPU 1222 Modul Keusahawanan | -   | -   | -   | 52  | 48  | 4.32 |
| 18  | Saya bersedia menyiapkan tugas MPU 1222 Modul Keusahawanan, saya dalam masa yang ditetapkan.                                 | -   | -   | 14  | 40  | 46  | 4.20 |
| 19  | Saya memberi tumpuan yang sepenuhnya ketika proses pengajaran dan pembelajaran MPU 1222 Modul Keusahawanan.                  | -   | -   | 14  | 52  | 34  | 4.66 |

Jadual 3.1 skala likert menunjukkan persetujuan responen berdasarkan kriteria setuju dan tidak setuju. Menerusi Jadual 3.2: Skala Likert Persetujuan Responden menunjukkan nilai melebihi 4.0 nilai min pada setiap item yang dinilai. Keseluruhannya responden bersetuju dengan keseluruhan item yang dinilai. Nilai minima bagi persetujuan responden adalah Saya amat gembira berpeluang mempelajari MPU 1222 Modul Keusahawanan dan nilai maksima menunjukkan terakhir yang dinilai adalah saya memberi tumpuan yang sepenuhnya ketika proses pengajaran dan pembelajaran MPU 1222 Modul Keusahawanan dengan nilai minima 4.66. Untuk menjadi seorang usahawan, seseorang individu itu perlu tahu ciri usahawan yang efektif dan efisien sebelum menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Seseorang usahawan muncul bukan kerana memiliki ciriciri personaliti semulajadi atau dilahirkan, tetapi kerana pelbagai faktor lain dan boleh dilatih (Zaidatol Akmaliah 1998).

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, didapati tahap minat pelajar dalam proses pembelajaran bagi MPU 1222 Modul Keusahawanan berada pada tahap yang cemerlang. Dapatan yang telah dianalisis pada semua elemen dan item persoalan kajian berada pada tahap yang tinggi. Min yang tertinggi adalah saya memberi tumpuan yang sepenuhnya ketika proses pengajaran dan pembelajaran MPU 1222 Modul Keusahawanan 4.66 manakala yang terendah adalah saya amat gembira berpeluang mempelajari MPU 1222 Modul Keusahawanan 4.18. Data yang didapati menunjukkan ia telah mencapai objektif yang sangat positif. Adalah disarankan agar pensyarah menanam minat pelajar menerusi pelbagai kaedah pembelajaran sesuai dengan modul yang diajar sebelum pembentukan sikap pelajar dalam modul ini. Akhirnya ia akan dapat mengukuhkan minat dalam pembelajaran. Kajian ini diharapkan menjadi rujukan yang lebih jelas dan tepat kepada sesiapa yang berminat berkaitan dengan kajian minat pelajar.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Rizal Madar, Nurul akmar Kamaruddin & Saifullizam Puteh. (2005). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam menguasai mata pelajaran kejuruteraan di Politeknik-politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Prosiding Seminar Pendidikan JPPG
- Azilah Ibrahim, Haruzuan & Nurul (2000) Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Matapelajaran Analisis Nyata Pelajar Tahun Akhir SPT Dan SPM Fakulti Pendidikan,jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 1(2), Universiti Teknologi Malaysia.
- Pelan Tindakan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi 2016-2020
- Ismail, K., & Khairuzaman, I. (2010). Mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan pelajar kurang cemerlang dalam mata pelajaran Sains: Satu kajian tinjauan di sebuah sekolah menengah luar bandar. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 3(5),23–30. URL <http://eprints.utm.my/11384>
- Manahan, J. (1984). “Disaggregation of Student Achievement in the Principles Economics Course:” Revised JEE. Revised Version of a Paper Presented at the Annual Meeting of the Midwest Economics Association. (48th, Chicago, IL, April 5-7 1984). (Report No: SO 016173) (ERIC Document Reproduction Service No: ED).
- Mok Soon Sang (1996). “Pedagogi 1: Kurikulum dan Pengurusan Bilik Darjah.” Kumpulan Budiman,Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.

Nadzalinada Kamsur. (2015). Tahap penguasaan, sikap dan minat pelajar Kolej Kemahiran Tinggi Mara terhadap mata pelajaran Bahasa Inggeris. (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).

Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam, Jurnal Pendidikan Malaysia 35(1)(2010): 11-17.

Nurazlinda Binti Yahya, Suaiza Binti Khairi (2017) Kecenderungan Pelajar-Pelajar Kursus Keusahawan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Psa) Terhadap Bidang Keusahawanan.

Zulkarnain, Z., Saim, M., & Talib, R. A. (2012). Hubungan antara minat, sikap dengan pencapaian pelajar dalam kursus CC301 – Quantity Measurement. Politeknik Port Dickson.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias. (1998). Keusahawanan dan Motivasi Diri. Serdang: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia

Zimbardo, G. dan Ebbesen, E. (1970). "Modification of the Relationship Between Effect, Attitude Behaviour. "Journal of Personality and Social Psychology. 16.2017-213